

22 SEP 2002

Kereta Kabel (Bergambar)/I

KERETA KABEL LANGKAWI BEROPERASI NOVEMBER

LANGKAWI, 22 Sept (Bernama) -- Projek kereta kabel Langkawi yang membawa pelawat naik ke puncak Gunung Machinchang akan beroperasi November ini.

Perunding projek Dr Peter A. Wyss berkata penguji bebas dari Austria sudah menjalankan ujian perkhidmatan kereta kabel berkenaan Ogos lepas.

"Kami hanya menunggu lampu hijau dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan sebelum memulakan operasi, seawal November ini," katanya kepada pemberita selepas 100 ejen pelancongan termasuk dari Singapura melawat projek itu hari ini.

Kumpulan itu adalah peserta program "Discover Langkawi" anjuran Persatuan Pelancongan Langkawi.

Kereta kabel berbentuk gondola itu akan membawa pelawat sejauh 2.2km ke puncak Gunung Machinchang, kira-kira 708 meter daripada aras laut.

Dr Wyss berkata kereta kabel yang digerak dengan kuasa elektrik itu dilengkapi dengan sistem keselamatan yang akan memastikan gondola enam tempat duduk itu akan sentiasa dapat kembali ke stesen utama di Oriental Village, Teluk Burau.

Tiga pangkalan disediakan untuk penumpang menaiki kereta kabel itu iaitu pangkalan bumi, pertengahan dan puncak.

Keseluruhannya laluan itu dilengkapi 35 buah gondola yang setiap satu boleh memuat enam penumpang dan perjalanan ke puncak akan mengambil masa sembilan minit, katanya.

Idea bagi projek itu diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa beliau melintasi Gunung Machinchang dengan sebuah helikopter pada 1999.

Dr Wyss berkata kereta kabel itu akan bergerak di paras 70m atas kawasan hutan hujan di Banjaran Machinchang yang juga kaya dengan ciri-ciri geologi.

Projek menelan kos RM46 juta itu adalah usahasama Dopple-Mayer dari Austria dengan sebuah syarikat tempatan.

Dr Wyss yakin projek itu mampu menarik 70 peratus daripada pelawat ke pulau legenda itu setiap tahun.

Projek itu sudah pun mendapat pensijilan Laporan Penilaian Alam Sekitar (EIA).

Pengunjung yang berada di puncak Gunung Matcinchang akan disajikan dengan pemandangan indah Langkawi dan 99 pulau di kelilingnya.

Dr Wyss berkata banjaran itu dicadangkan supaya dinamakan sebagai Taman Rimba Machinchang kerana ia kaya dengan sumber geologi dan botani untuk penyelidikan.

Perkhidmatan kereta kabel itu akan dikendalikan oleh anak syarikat Lada, Langkawi Cable Car Sdn Bhd.

Sementara itu, pengurus besar Langkawi Cable Car Sdn Bhd Teoh Cheng Kung berkata penumpang dewasa akan dikenakan tambang pergi balik sebanyak RM15 dan RM10 untuk kanak-kanak.

-- BERNAMA

NH MOZ